



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 874

AKTA KEWANGAN 2025

Tarikh Perkenan Diraja	27 Disember 2025
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	31 Disember 2025

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 874

AKTA KEWANGAN 2025

SUSUNAN SEKSYEN

BAB I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pindaan Akta

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967
4. Pindaan seksyen 6
5. Pindaan seksyen 15C
6. Pindaan seksyen 46
7. Pindaan seksyen 49
8. Pindaan seksyen 50
9. Seksyen baharu 54C
10. Pindaan seksyen 65C
11. Pindaan seksyen 65D
12. Pindaan seksyen 65F
13. Seksyen baharu 76A
14. Pindaan seksyen 107C
15. Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 107C
16. Pindaan seksyen 111
17. Pindaan Jadual 1
18. Pindaan Jadual 6

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Seksyen

19. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
20. Pindaan seksyen 7
21. Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 7
22. Pindaan seksyen 21
23. Pindaan seksyen 21B
24. Pindaan seksyen 24

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

25. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949
26. Pindaan seksyen 2
27. Pindaan seksyen 21
28. Seksyen baharu 80c
29. Pindaan Jadual Pertama
30. Pindaan Jadual Ketiga

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

31. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990
32. Pindaan seksyen 12

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

33. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
34. Pindaan seksyen 50

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 874

AKTA KEWANGAN 2025

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAB I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan 2025.

Pindaan Akta

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*] dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bab II, III, IV, V dan VI.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967

3. (1) Seksyen 4, 7, 8, 9, 17 dan 18, dan subperenggan 6(a)(i), (ii), (iii) dan (iv) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2026 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Subperenggan 6(a)(v) dan perenggan 6(c) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2026.

(3) Subperenggan 6(a)(vi) dan perenggan 6(b) berkuat kuasa bagi tahun-tahun taksiran 2026 dan 2027.

(4) Seksyen 5, 10, 11, 12, 13 dan 16 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

(5) Seksyen 14 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2028 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(6) Seksyen 15 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2027.

Pindaan seksyen 6

4. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 6(1)—

(a) dalam perenggan (r), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (r) perenggan yang berikut:

“(s) income tax shall be charged for each year of assessment upon the income of an individual, who is a partner of a limited liability partnership, which consists of profits derived from Malaysia paid, credited or distributed, whether in cash or in kind, to the individual by the limited liability partnership at the appropriate rate as specified in Part XXIII of Schedule 1.”.

Pindaan seksyen 15c

5. Subseksyen 15c(4A) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “applies, the acquisition price” perkataan “of the shares”.

Pindaan seksyen 46

6. Seksyen 46 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam proviso kepada perenggan (c), dalam perenggan (ca), dengan menggantikan perkataan “any vaccination” dengan perkataan “any vaccination of a vaccine registered with the National Pharmaceutical Regulatory Agency”;

(ii) dalam proviso kepada perenggan (g), dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) for the purposes of subparagraph (iii), the vaccination which qualifies for deduction shall be vaccines registered with the National Pharmaceutical Regulatory Agency;”;

(iii) dalam perenggan (ha), dengan menggantikan perkataan “limited to a maximum of six thousand ringgit” dengan perkataan “limited to a maximum of ten thousand ringgit”;

(iv) dengan menggantikan perenggan (r) dengan perenggan yang berikut:

“(r) an amount limited to a maximum of three thousand ringgit expended or deemed to have been expended under

subsection (3) in that basis year by the individual on the amount expended for the payment of child care fees to—

- (i) a child care centre registered under the Child Care Centre Act 1984 [Act 308] or a kindergarten registered under the Education Act 1996 [Act 550] for a child of the individual aged six years and below; or
- (ii) a care centre registered under the Care Centres Act 1993 [Act 506] for a child of the individual aged twelve years and below:

Provided that—

- (a) where a wife living together with her husband is assessed separately for that year, the deduction under this paragraph shall only be allowed either to the husband or to the wife;
- (b) the claim is evidenced by a receipt issued by the child care centre, kindergarten or care centre; and
- (c) the maximum amount of deduction under this paragraph shall apply notwithstanding that the individual may have more than one child;”;

(v) dengan memasukkan selepas perenggan (s) perenggan yang berikut:

“(sa) an amount limited to a maximum of one thousand ringgit expended or deemed to have been expended under subsection (3) in that basis year by the individual as evidenced by a receipt on the amount expended for the payment of entrance fee to a tourist attraction, or for a cultural and arts programme;” dan

(vi) dengan menggantikan perenggan (v) dengan perenggan yang berikut:

“(v) expenses expended in that basis year by the individual—

- (i) for the payment of installation, rental, purchase including hire-purchase of equipment or subscription for the use of electric vehicle charging facility for his own vehicle and not being used for the purposes of his own business for each basis year for the years of assessment 2023, 2024, 2025, 2026 and 2027;
- (ii) for the purchase of food waste compost machine used for the household purpose of the individual for the years of assessment 2025, 2026 and 2027;
- (iii) for the payment of installation or for the purchase of food waste grinder machine used for the household purpose of the individual for the years of assessment 2026 and 2027; or

(iv) for the payment of installation or for the purchase of closed-circuit television used for the household purpose of the individual for the years of assessment 2026 and 2027;”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) The expenses referred to in paragraph (1)(v) are subject to the following:

(a) the claim is evidenced by a receipt issued in respect of the payment or purchase, as the case may be;

(b) the deduction under subparagraph (1)(v)(ii) shall be claimed once either in the year of assessment 2025, 2026 or 2027;

(c) the deduction under subparagraphs (1)(v)(iii) and (iv) shall be claimed once either in the year of assessment 2026 or 2027; and

(d) the total amount of deduction under this paragraph is subject to a maximum amount of two thousand five hundred ringgit.”; dan

(c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “(s),” perkataan “(sa),”.

Pindaan seksyen 49

7. Seksyen 49 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) A deduction under subsection (1) shall be allowed where an insurance under subsection (3) is contracted for by an individual on the life of the child of the individual.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) A child in this section is a child—

(a) under the age of eighteen years and unmarried;

(b) who attains the age of eighteen years and above, unmarried and is receiving full-time instruction at any university, college, school or other similar educational establishment;

(c) who is unmarried and is serving under articles or indentures with a view to qualifying in a trade or profession; or

(d) who is unmarried and physically or mentally disabled in accordance with any written law.

(6) For the purposes of this section, a child of an individual or his wife refers to a legitimate child or step-child of his or his wife, or a child adopted by the individual or his wife in accordance with any written law.”.

Pindaan seksyen 50

8. Subseksyen 50(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “subsection 49(3),” perkataan “insurance referred to in subsection 49(3A),”.

Seksyen baharu 54c

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 54B yang dipotong seksyen yang berikut:

“Special treatment on distribution of profits by limited liability partnership

54c. (1) Where in the basis period for a year of assessment, an individual who is a partner of a limited liability partnership has income which consists of profits derived from Malaysia which is paid, credited or distributed, whether in cash or in kind, to the individual by the limited liability partnership in

excess of one hundred thousand ringgit, the income is deemed to be the statutory income of the individual for the basis period for that year of assessment.

(2) Where the profits under subsection (1) consist of profits in kind, the profits shall be taken to consist of an amount equal to the market value of the profits in kind at the time of the distribution of the profits.”.

Pindaan seksyen 65c

10. Seksyen 65c Akta ibu dipinda dengan menggantikan takrif “disposal” dengan takrif yang berikut:

‘ “disposal” means—

- (a) to sell, convey, transfer, assign, settle or alienate whether by an agreement or any written law;
- (b) an extinguishment of any rights due to the dissolution or winding up of a company; or
- (c) a reduction of share capital, conversion of shares, redemption of shares, purchase by a company of its own shares or ownership of the capital asset ends.’.

Pindaan seksyen 65d

11. Subseksyen 65D(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “capital asset” perkataan “situated in Malaysia or disposal of shares referred to in section 15C”.

Pindaan seksyen 65f

12. Seksyen 65F Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) For the purposes of this section, the date of completion of a disposal shall be—

- (a) the date on which the ownership of the capital asset disposed of is transferred by the

disposer, ownership of the capital asset by the disposer ends, or the rights are extinguished due to the dissolution or winding up of a company; or

(b) the date on which the whole of the amount or value of the consideration for the disposal, whether in cash or in kind, has been received by the disposer,

whichever is the earlier.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) For the purposes of paragraph (3)(a), a transfer of ownership of a capital asset, ownership of a capital asset by the disposer ends, or the rights are extinguished due to the dissolution or winding up of a company is deemed to take place on the date when all requirements under any written law have been complied with for the transfer of ownership of the capital asset, ownership of the capital asset by the disposer ends, or the rights are extinguished due to the dissolution or winding up of a company.”.

Seksyen baharu 76A

13. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 76 seksyen yang berikut:

“Acts of nominee

76A. (1) In relation to a capital asset held by a person as nominee for a company, limited liability partnership, trust body or co-operative society, this Act shall apply as if the capital asset is vested in the company, limited liability partnership, trust body or co-operative society and any act of the nominee is the act of the company, limited liability partnership, trust body or co-operative society.

(2) Where the capital asset is acquired from or disposed of to the nominee by the company, limited liability partnership, trust body or co-operative society, the acquisition or disposal shall be disregarded for the purposes of this Act.”.

Pindaan seksyen 107c

14. Subseksyen 107c(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “second month” dengan perkataan “first month”.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 107c

15. Walau apa pun subseksyen 107c(5) Akta ibu, jika suatu anggaran cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran 2027 telah dikemukakan mengikut subseksyen 107c(2) Akta ibu, amaun itu hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah dalam ansuran bulanan yang sama banyak yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu tolak satu bulan, dan setiap ansuran hendaklah dibayar pada tarikh genap masa bermula bulan kedua tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Pindaan seksyen 111

16. Seksyen 111 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (4A) dengan subseksyen yang berikut:

“(4A) Any amount of excess in respect of tax payable for a year of assessment which is to be refunded to a person under subsection (1) may be utilized by the Director General for the payment of any other amount of—

(a) tax which is due and payable (including any amount of instalments which are due and payable) by the person under this Act, the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Act 543*], the Real Property Gains Tax Act 1976 or the Labuan Business Activity Tax Act 1990; or

(b) duty which is due and payable by the person under the Stamp Act 1949 [*Act 378*].”;

- (b) dalam subseksyen (4B), dengan menggantikan perkataan “subsection 50(4) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 or subsection 24(7A) of the Real Property Gains Tax Act 1976” dengan perkataan “subsection 80C(1) of the Stamp Act 1949, subsection 50(4) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967, subsection 24(7A) of the Real Property Gains Tax Act 1976 or subsection 12(2) of the Labuan Business Activity Tax Act 1990”.

Pindaan Jadual 1

17. Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian XXII bahagian yang berikut:

“PART XXIII

1. Notwithstanding Part I, income tax shall be charged upon the income of an individual, who is a partner of a limited liability partnership, which consists of profits derived from Malaysia paid, credited or distributed, whether in cash or in kind, to the individual by the limited liability partnership, in excess of one hundred thousand ringgit at the rate of two per cent on every ringgit of the chargeable income in respect of such profits.
2. In this Part, where the individual has income from a source other than profits referred to in paragraph 1, the chargeable income of the individual referred to in the paragraph, shall be as prescribed by the Minister.”.

Pindaan Jadual 6

18. Jadual 6 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan 12c dengan perenggan yang berikut:

“12c. Any profit paid, credited or distributed, whether in cash or in kind, to partners other than an individual, by a limited liability partnership.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 12c perenggan yang berikut:

“**12D.** Any profit paid, credited or distributed, whether in cash or in kind, to a partner who is an individual, by a limited liability partnership, amounting to one hundred thousand ringgit or less.”.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

19. (1) Seksyen 20 dan 21 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2026 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 22, 23 dan 24 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pindaan seksyen 7

20. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam perenggan 7(4)(b) dengan menggantikan perkataan “tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehingga semua amaun kerugian yang boleh dibenarkan yang akan dibenarkan itu telah dibenarkan” dengan perkataan “tempoh sembilan tahun taksiran berturut-turut dan apa-apa amaun atau baki amaun yang tidak boleh ditolak pada hujung tempoh itu tidak diambil kira bagi maksud Akta ini”.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 7

21. Walau apa pun subseksyen 7(4) Akta ibu, apa-apa amaun kerugian yang boleh dibenarkan bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya yang tidak dipotong menurut subseksyen 7(4) Akta ibu bagi tahun taksiran 2025 boleh diambil

kira bagi maksud potongan di bawah perenggan 7(4)(b) Akta ibu bagi tahun taksiran 2026 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya hingga tahun taksiran 2035 dan apa-apa amaun yang tidak dipotong menurut perenggan 7(4)(b) Akta ibu selepas berakhirnya tahun taksiran 2035 tidak diambil kira bagi maksud Akta ibu.

Pindaan seksyen 21

22. Subseksyen 21(3) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” perkataan “, (1A), (1B)”.

Pindaan seksyen 21B

23. Seksyen 21B Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tertakluk kepada subseksyen (1A), (1B) dan (1C), jika suatu pelupusan yang seksyen 13 terpakai baginya dan balasan itu terdiri kesemuanya atau sebahagiannya daripada wang, pemeroleh itu hendaklah—

(a) memegang simpan kesemua wang itu;

(b) memegang simpan suatu jumlah wang tidak melebihi tiga peratus daripada jumlah nilai balasan itu; atau

(c) memegang simpan amaun cukai atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang disifatkan telah ditaksirkan di bawah subseksyen 14(1),

mengikut mana-mana yang kurang dan, sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak, dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah.”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen yang berikut:

“(1A) Tertakluk kepada subseksyen (1C), jika suatu pelupusan di bawah subseksyen (1) dibuat oleh seorang pelupus di bawah Bahagian II Jadual 5 berhubung dengan suatu pelupusan dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai, pemeroleh itu hendaklah—

- (a) memegang simpan kesemua wang itu;
- (b) memegang simpan suatu jumlah wang tidak melebihi lima peratus daripada jumlah nilai balasan itu; atau
- (c) memegang simpan amaun cukai atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang disifatkan telah ditaksirkan di bawah subseksyen 14(1),

mengikut mana-mana yang kurang dan, sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak, dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah.”;

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1A) subseksyen yang berikut:

“(1B) Tertakluk kepada subseksyen (1C), jika suatu pelupusan di bawah subseksyen (1) dibuat oleh seorang pelupus di bawah Bahagian III Jadual 5, pemeroleh itu hendaklah—

- (a) memegang simpan kesemua wang itu;
- (b) memegang simpan suatu jumlah wang tidak melebihi tujuh peratus daripada jumlah nilai balasan itu; atau

- (c) memegang simpan amaun cukai atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang disifatkan telah ditaksirkan di bawah subseksyen 14(1),

mengikut mana-mana yang kurang dan, sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak, dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah.

(1C) Berhubung dengan amaun yang dipegang simpan di bawah subseksyen (1), (1A) atau (1B), Ketua Pengarah boleh dalam hal keadaan khas membenarkan pelanjutan masa bagi amaun itu dibayar.

(1D) Perenggan (1)(c), (1A)(c) atau (1B)(c) hanya boleh terpakai jika pemberitahuan di bawah subseksyen 13(9) diterima oleh pemeroleh itu sebelum amaun yang dipegang simpan di bawah perenggan (1)(a) atau (b), (1A)(a) atau (b), atau (1B)(a) atau (b) itu dibayar kepada Ketua Pengarah.”;

- (d) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1),” perkataan “(1A) atau (1B),”;
- (e) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” di mana-mana jua terdapat perkataan “, (1A) atau (1B)”;
- (f) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” di mana-mana jua terdapat perkataan “, (1A) atau (1B)”;
- (g) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “seksyen 13” dengan perkataan “subseksyen 13(6)”.

Pindaan seksyen 24

24. Seksyen 24 Akta itu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (7A) dengan subseksyen yang berikut:

“(7A) Apa-apa jumlah lebih dikenakan dengan cukai yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran

yang kena dibayar balik kepada seseorang di bawah subseksyen (1) boleh digunakan oleh Ketua Pengarah bagi bayaran—

- (a) apa-apa amaun cukai lain yang genap masa dan kena dibayar (termasuk apa-apa amaun ansuran yang genap masa dan kena dibayar) oleh orang itu di bawah Akta ini, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*] atau Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*]; atau
- (b) apa-apa amaun duti lain yang genap masa dan kena dibayar oleh orang itu di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*].”; dan
- (b) dalam subseksyen (7B), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 111(4A) Akta Cukai Pendapatan 1967 atau subseksyen 50(4) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967” dengan perkataan “subseksyen 80c(1) Akta Setem 1949, subseksyen 111(4A) Akta Cukai Pendapatan 1967, subseksyen 50(4) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 atau subseksyen 12(2) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990”.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949

25. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pindaan seksyen 2

26. Akta Setem 1949, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif “property” takrif yang berikut:

‘ “residential property” means a house, condominium, apartment, flat, service apartment or small office home office solely to be used as a dwelling house;’.

Pindaan seksyen 21

27. Subseksyen 21(7) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “the Collector” perkataan “, on an application made within twenty-four months after the date of instrument by the person whom it was first or alone executed,”.

Seksyen baharu 80c

28. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 80B seksyen yang berikut:

“Power of Collector to utilize excess of duty

80c. (1) Any amount of excess in respect of duty payable which is to be refunded to a person under this Act may be utilized by the Collector for the payment of any other amount of—

(a) duty which is due and payable by the person under this Act; or

(b) tax which is due and payable (including any amount of instalments which are due and payable) by the person under the Income Tax Act 1967, the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Act 543*], the Real Property Gains Tax Act 1976 [*Act 169*] or the Labuan Business Activity Tax Act 1990 [*Act 445*].

(2) Where amount of excess in respect of a person is ascertained in accordance with subsection 111(4A) of the Income Tax Act 1967, subsection 50(4) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967, subsection 24(7A) of the Real Property Gains Tax Act 1976 or subsection 12(2) of the Labuan Business Activity Tax Act 1990, the excess shall be applied for the payment of duty which is due and payable by the person under this Act.”.

Pindaan Jadual Pertama

29. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda—

(a) berhubung dengan butiran 4, dalam ruang “Description of Instrument”, di bawah “Exemptions”, dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “RM300 per month” dengan perkataan “RM3,000 per month”; dan

(b) berhubung dengan butiran 32—

(i) dalam ruang “Description of Instrument”, dalam perenggan (aa), dengan menggantikan perkataan “except stock,” dengan perkataan “except residential property, stock,”;

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (aa) dan butir-butir yang berhubungan dengannya perenggan dan butir-butir yang berikut:

Item	Description of Instrument	Proper Stamp Duty
	“(ab) On sale of any residential property from 1 January 2026 to a foreign company or a person who is not a citizen and not a permanent resident	RM8.00 for every RM100.00 or fractional part of RM100.00 of the amount of the money value of the consideration or the market value of the residential property, whichever is the greater” ; dan

(iii) dalam ruang “Proper Stamp Duty”, dalam subperenggan (e)(i), dengan memasukkan selepas perkataan “Duty as in (a), (aa),” perkataan “(ab),”.

Pindaan Jadual Ketiga

30. Jadual Ketiga kepada Akta ibu dipinda dalam butiran 7, dalam ruang “Person liable to pay Duty”, dengan menggantikan perkataan “The parties in equal shares” dengan perkataan “The grantee or transferee”.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

31. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pindaan seksyen 12

32. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dipinda dalam seksyen 12—

(a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Apa-apa jumlah lebih berkenaan dengan cukai yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran yang kena dibayar balik kepada entiti Labuan di bawah subseksyen (1) boleh digunakan oleh Ketua Pengarah bagi bayaran—

(a) apa-apa amaun cukai lain yang genap masa dan kena dibayar (termasuk apa-apa amaun ansuran yang genap masa dan kena dibayar) oleh entiti Labuan itu di bawah Akta ini, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*] atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*]; atau

(b) apa-apa amaun duti lain yang genap masa dan kena dibayar oleh entiti Labuan itu di bawah Akta Setem 1949 [Akta 378].

(3) Jika amaun lebih berkenaan dengan suatu entiti Labuan ditentukan mengikut subseksyen 80c(1) Akta Setem 1949, subseksyen 111(4A) Akta Cukai Pendapatan 1967, subseksyen 50(4) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 atau subseksyen 24(7A) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, lebih itu hendaklah digunakan bagi pembayaran cukai yang genap masa dan kena dibayar (termasuk apa-apa amaun ansuran yang genap masa dan kena dibayar) oleh entiti Labuan itu di bawah Akta ini.”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

33. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pindaan seksyen 50

34. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dipinda dalam seksyen 50—

(a) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Any amount of excess in respect of tax payable for a year of assessment which is to be refunded to a person under subsection (1) may be utilized by the Director General for the payment of—

(a) any other amount of tax which is due and payable (including any amount of instalments which are due and payable) by the person

under this Act, the Income Tax Act 1967, the Real Property Gains Tax Act 1976 [*Act 169*] or the Labuan Business Activity Tax Act 1990 [*Act 445*]; or

(b) any other amount of duty which is due and payable by the person under the Stamp Act 1949 [*Act 378*].”; dan

(b) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “subsection 111(4A) of the Income Tax Act 1967 or subsection 24(7A) of the Real Property Gains Tax Act 1976” dengan perkataan “subsection 80C(1) of the Stamp Act 1949, subsection 111(4A) of the Income Tax Act 1967, subsection 24(7A) of the Real Property Gains Tax Act 1976 or subsection 12(2) of the Labuan Business Activity Tax Act 1990”.